

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 OGOS 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## Inisiatif perkukuh ekosistem semikonduktor

# Inisiatif perkukuh ekosistem semikonduktor

**Kerajaan** akan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengukuhkan ekosistem industri semikonduktor negara merangkumi sektor hulu hingga ke hiliran, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, ketika ini Malaysia mempunyai keupayaan dalam kemudahan pemasangan semikonduktor, tetapi masih jauh terbelakang dalam reka bentuk litar bersepadu (IC Design) berbanding negara lain seperti China.

Justeru, katanya, langkah segera perlu dilaksanakan bagi mengurangkan kebergantungan kepada IC Design negara luar selain mengukuhkan kedudukan negara sebagai pengeluar reka bentuk asal (ODM).

"Negara ketika ini mendapat kemasukan pelaburan yang besar ke dalam pusat data, tetapi pusat data turut memerlukan ODM. Jadi kerajaan sedang me-

lihat ekosistem keseluruhan untuk melengkapkannya.

"Kita juga ingin menarik lebih banyak syarikat IC Design untuk bertapak di Malaysia. Dari masa ke masa, kita akan dapat mendapatkan pemain dalam segmen ekosistem yang betul untuk melabur di sini dan kemudian dari masa ke masa kita akan melihat ekosistem yang jauh lebih lengkap, yang sangat berbeza daripada apa yang sudah kita lakukan selama beberapa dekad lalu," katanya selepas merasmikan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu Semikonduktor Malaysia di Puchong Financial Corporate Centre (PFCC) di Puchong, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Timbalan Menteri Ekonomi, Hanifah Hajar Abdul Taib serta EXCO Pelaburan, Per-

dagangan dan Mobiliti Selangor, Ng Sze Han.

### **Pawar ekosistem peneraju**

Sementara itu, Amirudin berkata, koridor semikonduktor Lembah Klang menawarkan ekosistem peneraju industri, institusi penyelidikan, dan rakan kongsi rantaian bekalan.

Beliau berkata, kedudukan strategik itu akan membolehkan Selangor menjadi destinasi utama untuk syarikat semikonduktor, menawarkan peluang yang tiada tandingan untuk kerjasama dan pertumbuhan.

Projek seperti itu juga katanya, bukan sahaja mengenai infrastruktur, tetapi mengenai mencipta peluang dan memacu pertumbuhan kerana semikonduktor adalah komponen penting dalam strategi untuk memupuk inovasi dan keusahawanan.

"Dengan menyediakan sumber kritikal dan pembiayaan, kami menasarkankan untuk mempercepatkan pertumbuhan syarikat permulaan dan syarikat ditubuhkan, mendorong mereka ke tahap kejayaan baharu.

"Ketika kami melancarkan projek bercita-cita tinggi ini, Selangor tidak bertujuan untuk menjadi pemain bahagian kecil dalam ruang semikonduktor. Selangor mempunyai kelebihan perbandingan dan perlu bergerak meningkatkan rantaian nilai. Saya berhasrat untuk melihat masa depan semikonduktor dengan label, Buatan Malaysia, Direka di Selangor.

"Ini akan menjadi matlamat kita. Ini adalah penting jika kita mahu menjadikan Selangor sebagai ekonomi RM500 bilion pertama dalam tempoh tiga tahun akan datang," katanya.